



## KENYATAAN MEDIA

### BERKAITAN LAPORAN AKHBAR THE STAR BERTAJUK “KELANTAN MAY BE SINKING” BERTARIKH 10 NOVEMBER 2022

1. Mengikut rekod kompilasi Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Negeri Kelantan mengepam sejumlah 198.2 juta liter sehari (46.64%) sumber air bawah tanah yang digunakan secara konjungtif dengan 226.8 juta liter sehari (53.36%) sumber air sungai bagi memenuhi keperluan 425 juta liter sehari air terawat untuk kegunaan domestik dan industri. Ini menjadikan Negeri Kelantan sebagai pengguna sumber air bawah tanah yang terbesar di Malaysia.
2. JMG telah menjalankan pemantauan paras air bawah tanah, perubahan kualiti dan paras tanah (datum) di telaga-telaga air bawah tanah di seluruh Negeri Kelantan sejak tahun 1989. Berdasarkan kepada pemantauan Jabatan sepanjang tahun 2007-2022 dalam tempoh 15 tahun, tiada sebarang kejadian pemendapan tanah direkodkan berlaku di Negeri Kelantan yang dikaitkan dengan penggunaan sumber air bawah tanah sebagaimana dilaporkan oleh pihak akhbar tempatan bertarikh 10 November 2022.
3. Kajian pemodelan hidrogeologi yang telah dijalankan oleh JMG mendapati luahan selamat (*safe yield*) bagi medan telaga air bawah tanah Negeri Kelantan pada kadar 406 juta liter sehari berbanding pengepaman air bawah tanah semasa pada kadar 198.2 juta liter sehari (48.2%) iaitu di bawah kadar luahan selamat (*safe yield*). Sehubungan itu, dakwaan berlakunya pengepaman air bawah tanah secara berlebihan dan menjadi faktor utama penyebab pemendapan tanah adalah tidak benar.
4. Data paras air bawah tanah yang direkodkan oleh JMG dari tahun 1989-2018 juga tidak menunjukkan sebarang penurunan paras yang

ketara dan mendadak akibat pengepaman air bawah tanah sebagaimana dakwaan yang dilaporkan oleh akhbar *The Star* dan *Malay Mail* bertarikh 10 November 2022. Data hidrografi daripada Stesen Jambatan Guillemard, Tanah Merah, Kelantan dari tahun 1979-2018 pula turut menunjukkan tiada sebarang penurunan ketara paras air sungai. Di samping itu juga, tiada pengepaman air bawah tanah secara komersial atau besar-besaran direkodkan berlaku di kawasan Kuala Krai, Kelantan yang boleh menyebabkan berlakunya pemendapan tanah.

5. JMG di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) merupakan agensi tunjuk dalam tadbir urus sumber air bawah tanah Negara bagi pemetaan dan penilaian potensi sumber air bawah tanah. Jabatan akan terus memainkan peranan proaktif berkaitan isu-isu air bawah tanah selaras dengan peranan dan tanggungjawab sebagaimana terkandung dalam Akta Penyiasatan Kajibumi 1974 [Akta 129] dan Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan 2019.
6. KeTSA melalui JMG sentiasa mengalu-alukan pelbagai bentuk kerjasama pintar dengan pihak agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan NGO dalam melaksanakan pemantauan sumber air bawah tanah negara melalui platform rakan JMG bagi memastikan keselamatan sumber asli ini terjamin dan mampan.

**KETUA PENGARAH  
JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA**

**11 NOVEMBER 2022**